

07 JUL 2001

Abdul Rahman - AFTA

AFTA PERLU DIMANFAAT UNTUK MEMPERKASA EKONOMI, KATA PRESIDEN DPMM

KANGAR, 7 Julai (Bernama) -- Pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) akan membantu memperkasakan ekonomi negara jika masyarakat bijak mengikut rentaknya, kata Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Datuk Seri Abdul Rahman Maidin hari ini.

Menurutnya, kegiatan ekonomi akan menjadi bertambah rancak dengan kehadiran AFTA dan rakyat akan mendapat manfaatnya.

"AFTA sebenarnya bermula apabila negara-negara Asean mengurangkan tarif barangan tertentu," katanya kepada pemberita sempena lawatan sulungnya ke Perlis selepas dipilih sebagai presiden DPMM akhir bulan lalu.

Mengulas kebimbangan kepimpinan negara terhadap sesetengah negara Asean yang mengikat perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala, Abdul Rahman berkata, negara-negara Asean sepatutnya tahu peranan mereka.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan bimbang AFTA diperalatan ekoran tindakan sesetengah negara Asean yang mengadakan FTA dengan beberapa negara luar.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz juga pernah melahirkan kebimbangan yang serupa berikutan perkembangan itu.

"Kita tidak patut bimbang selagi semangat Asean masih kental," kata Abdul Rahman.

Sementara itu, Pengerusi DPMM Perlis, Hassan Basri Abdul Karim berkata, pihaknya sedang melaksanakan kawasan perdagangan borong di sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar.

Projek bernilai RM4 juta itu bermula Mac lalu dan dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini.

Sebanyak 27 unit rumah kedai dan 12 unit gerai sedang dilaksanakan di kawasan sempadan itu.

Katanya, projek itu mendapat sokongan penuh daripada kerajaan negeri serta DPMM pusat.

Beliau berkata, barangan yang akan dijual di situ termasuk keluaran negara Thailand di samping barangan tempatan.

-- BERNAMA

AD FAZ